

145

SOALAN NO: 63

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]

TARIKH : 22 Mac 2018

SOALAN : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan: -

jumlah tangkapan ikan dari lautan
Malaysia untuk setiap tahun dari 2011
hingga 2017. Adakah kadar
penangkapan ikan dari lautan Malaysia
mampan (sustainable).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, secara purata jumlah pendaratan ikan marin dari tahun 2011 hingga 2017 adalah sebanyak 1.48 juta tan metrik dengan purata peningkatan 1.47% setiap tahun. Tangkapan perikanan pantai menyumbang sebanyak 78% daripada jumlah tangkapan marin manakala perikanan laut dalam menyumbang sebanyak 22% pada setiap tahun.

Berdasarkan kepada penemuan Kajian Pentaksiran Sumber Perikanan Marin Malaysia bermula pada tahun 2013 sehingga 2016, tahap eksploitasi sumber perikanan negara secara keseluruhannya telah melebihi tahap mampan. Stok sumber ikan demersal berada pada tahap eksploitasi berlebihan manakala stok sumber ikan pelagik kecil melebihi tahap eksploitasi di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia.

Sehubungan itu, pelan pengurusan perikanan melalui kaedah *Ecosystem Approach Fisheries Management* (EAFM) dan penilaian risiko pemuliharaan sumber telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan perikanan negara berada di paras optimum.